

## ORIGINAL ARTICLE

**EFIKASI KENDIRI GURU PENDIDIKAN MORAL DI SEKOLAH MENENGAH: SATU KAJIAN RINTIS****MORAL TEACHERS' SELF-EFFICACY IN SECONDARY SCHOOL: A PILOT STUDY**

**Mohd Hasaidi Hassan**<sup>1</sup>  
**Nadarajan Thambu**<sup>2</sup>

<sup>1</sup>Faculty of Human Science, Sultan Idris Education University, Malaysia.

Email: [hasaidi.hassan@gmail.com](mailto:hasaidi.hassan@gmail.com)

<sup>2</sup>Senior Lecturer, Faculty of Human Sciences, Sultan Idris Education University, Malaysia.

Email: [nada@fsk.upsi.edu.my](mailto:nada@fsk.upsi.edu.my)

**Abstrak**

Walaupun efikasi sendiri (*self-efficacy*) terbukti menjadi salah satu elemen penting dalam mempengaruhi kepercayaan mengajar, perlakuan guru di bilik darjah dan pencapaian murid, namun hanya segelintir yang mengetahui tentang efikasi sendiri guru mata pelajaran Pendidikan Moral. Justeru, kajian rintis ini bertujuan untuk menyelidik tahap efikasi sendiri guru dalam pengajaran mata pelajaran Pendidikan Moral di sekolah menengah. Instrumen soal-selidik, *Teacher Moral Self- Efficacy Measure* (2009) yang diadaptasi telah digunakan untuk mengutip data. Dapatan kajian rintis menunjukkan efikasi sendiri guru Pendidikan Moral untuk dua pemboleh ubah, iaitu efikasi sendiri positif dan efikasi sendiri dalam amalan pengajaran adalah pada tahap tinggi. Hasil skor min tahap efikasi sendiri positif lebih tinggi (3.92) berbanding skor min efikasi sendiri dalam amalan pengajaran guru (3.77). Hasil ujian t menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara efikasi sendiri dengan jantina dan pengalaman mengajar guru. Dapatan kajian ini mencadangkan bahawa kajian lanjutan wajar dilaksanakan untuk menguji kuasa efikasi sendiri guru dalam membentuk karakter dan tingkah laku moral murid.

**KataKunci:** Efikasi sendiri, efikasi sendiri positif, amalan pengajaran, Pendidikan Moral.

**Abstract**

Although self-efficacy proved to be one of the key elements in influencing teaching beliefs, teacher behaviour in the classroom and student achievement, only a few knew about the self-efficacy of Moral Education subject teachers. Hence, the purpose of this pilot study is to investigate the level of Moral Education teachers' self-efficacy in teaching Moral Education in

secondary schools. *Teacher Moral Self-Efficacy Measure* (2009), have been used as an instrument to collect data. The results of this pilot study showed that the teachers' self-efficacy of the two variables, that is, positive self-efficacy and self-efficacy in teaching and learning of Moral Education were at a high level. Mean score of the positive self-efficacy variable was 3.92, which was higher than the self-efficacy min score for the teaching and learning practice 3.77. T-test result showed that there is no significant different between self-efficacy and gender, same as teaching experience. The results suggest that further studies should be carried out to examine the power of teacher's self-efficacy in shaping students' moral, character and behaviour.

**Keywords:** Self-efficacy, positive self-efficacy, teaching and learning, Moral Education.

This article is licensed under a Creative Commons Attribution-Non Commercial 4.0 International License



Received 03<sup>rd</sup> March 2018, revised 25<sup>th</sup> April 2018, accepted 02<sup>nd</sup> May 2018

## Pengenalan

Guru merupakan jentera pelaksana yang merealisasikan segala dasar dan aspirasi pendidikan negara. Guru dan murid terikat dalam hubungan moral yang intim (Ruiz, 2010)<sup>1</sup>. Murid menerima kehadiran guru sebagai pelaksana kurikulum dan guru pula menggalas tanggungjawab untuk melahirkan murid yang bakal menjadi agen moral dalam masyarakat. Justeru, tanggungjawab guru yang afdal ialah untuk menterjemahkan hubungan moral ini dalam aktiviti pengajaran dan pemudahcaraan di bilik darjah. Selain daripada penggunaan strategi, pedagogi dan teknik pengajaran yang inovatif, aspek kesungguhan, motivasi sendiri dan iltizam guru juga menjadi penentu pencapaian hasil pembelajaran sesuatu mata pelajaran.

Mata pelajaran Pendidikan Moral di Malaysia merupakan mata pelajaran teras di peringkat sekolah rendah dan sekolah menengah untuk pelajar bukan beragama Islam seperti pelajar Cina, India, Orang Asli, Iban serta Kadazandusun (Vishalache, 2011)<sup>2</sup>. Mata pelajaran Pendidikan Moral di sekolah menengah memberi tumpuan kepada usaha memupuk kekuatan kerohanian dan moral murid melalui penghayatan dan amalan nilai-nilai murni masyarakat Malaysia yang terdapat dalam agama, tradisi dan adat resam pelbagai kaum di negara ini (Sukatan Pelajaran Pendidikan Moral KBSM, 2000)<sup>3</sup>. Selain itu, Program Pendidikan Moral di Malaysia juga diharap dapat melahirkan individu yang mempunyai obligasi moral dan sosial terhadap segala keputusan dan tindakan yang dilakukan (Sukatan Pelajaran Pendidikan Moral, KBSM, 2000)<sup>3</sup>.

Dalam memenuhi matlamat pendidikan nasional ini, guru Pendidikan Moral harus membimbing dan mendidik murid untuk memahami, mengetahui dan memiliki sifat untuk bertindak berdasarkan nilai dan tingkah laku moral sejagat (Chang, 2007)<sup>4</sup>. Sehubungan itu,

obligasi seseorang kepada Tuhan, negara, keluarga atau kumpulan sosial adalah elemen penting dalam tingkah laku moral (Bigger & Brown, 1999)<sup>5</sup>. Oleh itu, pengajaran guru di kelas perlu menjurus kepada aspek membina dan merekayasa insan yang memiliki pemikiran, perasaan dan bertindak secara bermoral (Nadarajan & Muhammad Hasbi, 2017)<sup>6</sup>. Penerapan aspek pemikiran moral (penaakulan moral), perasaan moral dan tingkah laku moral secara seiring dan bersepadu perlu menjadi asas pengajaran dan pemudahcaraan guru di bilik darjah. Keseimbangan ketiga-tiga aspek moral yang diperoleh dan dihayati akan menentukan jenis manusia yang bakal dilahirkan.

Tingkah laku moral atau kemoralan insan adalah sikap dan fikiran yang wujud dalam rangka kepercayaan dan komitmen (Bigger & Brown, 1999)<sup>5</sup>. Aspek kepercayaan, keyakinan dan komitmen seseorang guru semasa mengajar pula boleh dikaitkan dengan efikasi sendiri. Manakala minat dan motivasi murid dalam pembelajaran mempunyai hubungan langsung dengan kebolehan, keyakinan dan keberkesanan pengajaran guru. Menurut Narvaez, Vaydich, Turner dan Khmelkov (2008)<sup>7</sup>, efikasi sendiri bagi Pendidikan Moral merujuk kepada kepercayaan dan usaha guru Pendidikan Moral dalam memperbaiki karakter dan tingkah laku moral murid di sekolah.

Bandura (1982)<sup>8</sup> pula menjelaskan bahawa teori efikasi sendiri adalah teori yang berkaitan tentang motivasi keyakinan diri. Teori efikasi sendiri membincangkan aspek berkaitan keyakinan dan kemampuan seseorang individu melaksanakan tugas dengan cemerlang. Menurut Bandura (1982)<sup>8</sup>, tahap efikasi sendiri mempunyai hubungan yang rapat dengan pencapaian. Hal ini bermaksud, jika semakin tinggi tahap efikasi sendiri maka semakin tinggi pencapaian individu. Teori ini menjelaskan bahawa efikasi sendiri merupakan inti kepada kecekapan, kemahiran, kompetensi atau prestasi mantap yang dimiliki oleh individu (Bandura, 1986)<sup>9</sup>. Antara ciri-ciri dalam efikasi sendiri positif guru dalam amalan pengajaran ialah membantu pembelajaran murid, mewujudkan hubungan guru murid yang positif dan juga memupuk perwatakan bermoral dalam kalangan murid.

Kompetensi seseorang guru dalam proses pengajaran dan pemudahcaraan dapat dikaitkan dengan efikasi sendiri mereka. Menurut Ahmad Zabidi (2006)<sup>10</sup>, efikasi sendiri ialah potensi seseorang melaksanakan tugas yang diberikan untuk mencapai tahap yang paling tinggi. Seseorang dikatakan boleh melakukan sesuatu tugas, apabila mereka mempunyai keyakinan dan komitmen terhadap tugas yang diberi. Dalam konteks di sekolah, guru yang memiliki efikasi sendiri akan melaksanakan proses pengajaran dan pemudahcaraan dengan efisien dan penuh yakin. Guru yang mempunyai keyakinan yang tinggi dapat merealisasikan kehendak pelajar dan membawa mereka ke puncak kejayaan. Individu guru yang bertindak dengan yakin dan percaya kepada kuasa yang ada pada diri mampu membawa kecemerlangan. Hal ini kerana usaha dan tindakan terhadap sesuatu tugas atau kewajipan mampu menentukan tingkah laku dan perubahan tingkah laku manusia (Bandura, 1997)<sup>11</sup>.

Dalam pada itu, murid-murid yang berada dalam kelas yang diajar oleh guru yang memiliki efikasi sendiri secara tidak langsung mempunyai efikasi sendiri yang positif, tinggi dan mahu meraih pencapaian akademik yang tinggi (Ashton & Webb, 1986)<sup>12</sup>. Ternyata, murid-murid mendapat manfaat yang banyak jika guru menunjukkan efikasi sendiri yang positif. Hal ini juga menunjukkan, bahawa efikasi sendiri guru dapat diperhatikan melalui tindakan atau tingkah laku mereka. Tingkah laku guru akan berubah-ubah berdasarkan kepercayaan mereka. Guru yang memiliki efikasi sendiri yang tinggi akan menghabiskan banyak masa untuk perancangan dan penyediaan banyak aktiviti dalam proses pengajaran dan pemudahcaraan mereka (Allinder, 1994)<sup>13</sup>. Mereka bekerja keras untuk memenuhi kehendak pelajar di samping berusaha untuk memenuhi agenda pendidikan negara.

Manakala Powell dan Anderson (2002)<sup>14</sup> pula, mengaitkan efikasi sendiri dengan perasaan atau kepuasan seseorang individu belajar dan mempraktikkan apa-apa yang dipelajarinya dengan baik. Dalam konteks ini Allinder (1995)<sup>13</sup> mendapati bahawa guru yang mempunyai efikasi pengajaran yang tinggi meletakkan sasaran yang lebih tinggi terhadap pelajarinya. Guru sebegini pula sanggup menghadapi cabaran dan dugaan dalam usaha untuk memastikan kejayaan anak didik mereka. Sebaliknya guru yang memiliki efikasi sendiri yang rendah pula bersikap sambil lewa serta meletakkan aspirasi yang rendah terhadap murid yang dihadapinya. Mereka tidak mahu berganjak untuk melakukan pembaharuan dan inovasi dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Mereka suka mengelak, banyak berbincang tentang halangan, rintangan dan mudah berputus asa.

Dalam konteks mata pelajaran Pendidikan Moral, masih terdapat pelbagai isu dalam amalan pengajaran dan pemudahcaraan di dalam bilik darjah. Sesi pembelajaran Pendidikan Moral sering dilaksanakan sebagai sesi penghafalan nilai-nilai moral yang diberikan oleh guru (Vishalache, 2010)<sup>15</sup>. Kadang kala dalam sepanjang pembelajaran guru hanya memaksa murid untuk menghafal nilai-nilai moral tanpa membincangkan isu dan aspek penaakulan murid. Proses pengajaran guru masih bertujuan untuk menyediakan murid bagi menghadapi peperiksaan (Rosnani, 2012)<sup>16</sup>. Natijahnya, sesi pembelajaran Pendidikan Moral dianggap sebagai pembelajaran yang menjemukan, *stereotype* serta terlalu berorientasikan peperiksaan (Chang, 2010)<sup>17</sup>. Pelaksanaan ini jauh berbeza dengan matlamat asal sukatan pelajaran Pendidikan Moral yang mahu melahirkan insan yang boleh berfikir, menaakul dan berempati dengan manusia lain. Walhal Pendidikan Moral yang berkesan seharusnya membantu murid memahami nilai-nilai moral, menghayati, menerima dan menunjukkan komitmen terhadapnya serta mempraktikkannya dalam kehidupan harian (Nadarajan, 2017)<sup>18</sup>. Program Pendidikan Moral menganjurkan pendekatan yang holistik dalam menghasilkan individu yang mempunyai karakter yang baik, bertanggungjawab dan dapat menyumbang kepada kestabilan dan keharmonian negara dan juga di peringkat global (Chang, 2010)<sup>17</sup>.

Seorang guru Pendidikan Moral yang berkesan perlu melibatkan murid secara aktif dan juga relevan dengan kehidupan harian mereka (Chang, 2010; Nik Mohd Rahimi, Nurulhuda & Mahat, 2012; Lapsley, Anthony & Narvaez, 2015)<sup>17, 19, 20</sup>. Hal ini adalah kerana guru Pendidikan

Moral adalah merupakan individu yang paling penting dalam membina insan bermoral. Guru perlu menjustifikasikan setiap alasan yang diberi bagi penyelesaian masalah akan memberi peluang kepada murid mempelajari teknik yang mampu meningkatkan penaakulan moral murid (Shakilah, 2009)<sup>21</sup>. Namun, isu moral dan nilai yang dipelajari di sekolah tidak membolehkan murid untuk mengaplikasikan apa-apa yang dipelajari dalam kehidupan seharian mereka (Vishalache, 2013)<sup>22</sup>. Jika guru tidak berupaya untuk melaksanakan perkara tersebut, maka matlamat utama untuk melahirkan insan bermoral yang sempurna dari segi pemikiran, perasaan dan tingkah laku moral tidak akan tercapai. Keadaan ini bercanggahan dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang bertujuan menghasilkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, jasmani, rohani dan emosi (Chang, 2010)<sup>17</sup>.

Bagi memastikan pengajaran yang berkesan, unsur efikasi sendiri guru juga perlu diambil kira dalam pelaksanaan pengajaran Pendidikan Moral. Guru yang mempunyai efikasi sendiri yang positif selalunya akan mengamalkan pengajaran dan pembelajaran berpusatkan pelajar (Dunn & Rakes, 2011)<sup>23</sup>. Efikasi sendiri guru seterusnya akan dapat meningkatkan kompetensi dan pelaksanaan pengajaran yang berkesan. Pelaksanaan pengajaran dan pemudahcaraan yang berkesan pula seterusnya dapat mengembangkan aspek pertimbangan dan penaakulan moral murid. Perkembangan penaakulan moral pula akan meningkatkan aspek kompetensi moral murid (Nadarajan & Ganesan, 2016)<sup>24</sup>. Murid yang mempunyai kompetensi moral mampu membuat pertimbangan yang adil dan saksama. Mereka akan mengutamakan kepentingan orang lain daripada kepentingan diri sendiri (Mahasneh, 2014)<sup>25</sup>.

Jelasnya, disebalik pencapaian akademik, efikasi sendiri guru memainkan peranan dalam membentuk sikap pelajar, perspektif murid terhadap sekolah, mata pelajaran yang diajar (dalam konteks kajian ini mata pelajaran Pendidikan Moral) dan juga mewujudkan iklim sekolah yang sihat. Efikasi sendiri guru menjadi daya tarikan kepada murid untuk menghadiri sekolah. Pada masa yang sama, masalah seperti ponteng kelas, ponteng sekolah dan masalah disiplin yang lain boleh dikurangkan di premis sekolah. Tidak keterlaluan jika kita andaikan efikasi sendiri guru sebagai "kuasa dalaman" yang berpotensi untuk menangani pelbagai masalah yang berkaitan dengan murid di alam persekolahan mereka. Oleh itu, kuasa dalaman yang ada pada guru ini perlu dikaji dan disebarluaskan untuk kebaikan dunia pendidikan sendiri.

Sementelahan itu, kajian rintis tentang efikasi sendiri guru mata pelajaran Pendidikan Moral terhadap pelaksanaan pengajaran Pendidikan Moral perlu dilakukan memandangkan usaha sebegini masih terhad dan kurang dalam bidang ini. Aspek efikasi sendiri guru Pendidikan Moral perlu dikaji kerana kepercayaan dan keyakinan guru memberikan kesan langsung dalam membentuk insan murid yang berilmu, bermoral dan berakhlak.

## **Objektif Kajian**

Objektif kajian rintis ini ialah untuk menyelidik tahap efikasi sendiri positif guru dan efikasi sendiri amalan pengajaran guru dalam mata pelajaran Pendidikan Moral di sekolah menengah serta menganalisis perbezaan yang signifikan dalam tahap efikasi sendiri mengikut jantina dan pengalaman mengajar.

## **Metodologi Kajian**

### **Reka Bentuk dan Sampel kajian**

Kajian rintis ini adalah kajian kuantitatif yang dijalankan dalam reka bentuk penyelidikan tinjauan (*survey*). Sampel kajian rintis ini melibatkan 30 orang guru yang mengajar subjek Pendidikan Moral di 13 buah sekolah menengah di negeri Kelantan. Guru yang terlibat merupakan guru yang berumur 21 tahun dan ke atas serta semua responden dipilih secara pensampelan rawak mudah. Pembahagian jantina dalam kajian ini hampir sekata iaitu melibatkan 13 orang guru lelaki dan 17 orang guru perempuan.

### **Instrumen Kajian**

Instrumen kajian yang digunakan untuk mengumpul data adalah satu set soal selidik iaitu borang soal selidik *Teacher Moral Self-Efficacy Measure (2009)* yang diadaptasi oleh penyelidik. Soal selidik tersebut terbahagi kepada dua bahagian utama iaitu bahagian A dan bahagian B. Bahagian A mengandungi maklumat demografi sampel kajian seperti jantina, umur, kelayakan akademik, lokasi sekolah, opsyen, pengalaman mengajar dan jumlah latihan yang telah dihadiri oleh responden. Sampel kajian diminta untuk menandai petak yang disediakan.

Manakala bahagian B pula mengandungi soal-selidik tentang efikasi sendiri guru Pendidikan Moral. Bahagian ini terbahagi kepada dua subbahagian iaitu efikasi sendiri positif guru dan efikasi sendiri dalam amalan pengajaran guru. Bahagian efikasi sendiri positif guru pula mempunyai 5 item dan bahagian amalan pengajaran guru pula mempunyai 12 item.

### **Kebolehpercayaan Instrumen**

Indeks kebolehpercayaan bagi instrumen dinilai berdasarkan nilai *alfa Cronbach* bagi efikasi sendiri guru Pendidikan Moral di sekolah menengah di negeri Kelantan adalah seperti Jadual 1.

Jadual 1: Nilai Alfa Cronbach bagi efikasi sendiri guru Pendidikan Moral

Bil	Dimensi Efikasi Kendiri	Nilai Alpha
1	Efikasi Kendiri Positif Guru	0.835
2	Amalan Pengajaran Guru	0.943

Melalui Jadual 1 kita dapati bahawa kedua-kedua dimensi efikasi sendiri guru Pendidikan Moral adalah tinggi. Oleh yang demikian, boleh dirumuskan bahawa instrumen efikasi yang digunakan mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi. Secara keseluruhannya nilai *aplha Cronbach* adalah  $\alpha = 0.948$ . Ini menunjukkan instrumen kajian ini mempunyai kesahan kandungan yang tinggi untuk mengukur gagasan atau pemboleh ubah dengan tepat (Alias, 1999)<sup>27</sup>.

### Dapatan dan Perbincangan

Seramai 30 orang guru Pendidikan Moral dipilih secara rawak dalam kajian rintis ini, mereka terdiri daripada 13 orang lelaki dan 17 orang perempuan. Responden juga dibahagikan mengikut pengalaman mengajar iaitu guru baru yang mempunyai pengalaman 1 hingga 5 dan guru yang mempunyai pengalaman 6 tahun ke atas. Ini adalah kerana banyak dapatan yang menunjukkan bahawa guru – guru yang mengajar lebih daripada lima tahun mempunyai perbezaan tahap efikasi yang lebih tinggi berbanding dengan guru yang mengajar kurang daripada lima tahun (Khalid, 2012)<sup>26</sup>. Dari segi lokasi, 13 responden mengajar di kawasan bandar manakala yang selebihnya mengajar luar bandar. Pembahagian opsyen menunjukkan seramai enam orang responden merupakan opsyen Pendidikan Moral manakala 24 orang responden terdiri daripada pelbagai opsyen. Ini menunjukkan bahawa pihak sekolah masih lagi kekurangan guru yang mempunyai opsyen Pendidikan Moral.

### Tahap Efikasi Kendiri Positif Guru Pendidikan Moral

Bagi meninjau sejauh mana tahap efikasi sendiri Guru Pendidikan Moral, skor min bagi setiap dimensi telah digunakan bagi membandingkan tahap efikasi sendiri bagi setiap dimensi. Jadual menunjukkan bahawa skor min bagi Dimensi Efikasi Positif Guru lebih tinggi, iaitu 3.92 berbanding Dimensi Amalan Pengajaran Guru (3.77). Walau bagaimanapun, skor min keseluruhan tahap efikasi sendiri guru Pendidikan Moral adalah tinggi (3.81).

Jadual 2: Tahap Efikasi Kendiri Guru Pendidikan Moral

Bil	Dimensi Efikasi Kendiri	Min	Sisihan Piawai	Tahap
1	Efikasi Kendiri Positif Guru	3.92	.47	Tinggi
2	Amalan Pengajaran Guru	3.77	.51	Tinggi

### Perbandingan Skor Min Item Efikasi Positif Guru



Jadual 3 menunjukkan perincian skor min bagi setiap item dalam dimensi efikasi sendiri positif guru. Secara keseluruhannya kesemua item mencatatkan tahap skor min yang tinggi. Item “saya tahu apa yang perlu dilakukan untuk mengekalkan keselesaan pelajar terhadap diri mereka sebagai individu bermoral” mencatatkan min yang tertinggi, iaitu 4.03. Walaubagaimanapun item “sekiranya pelajar di dalam kelas saya kelihatan tidak bermotivasi untuk menjadi individu bermoral, saya tahu bagaimana untuk membuatkan mereka menjadi positif semula” dan item “saya berkemampuan dalam membuatkan semua pelajar saya selesa untuk menjadi individu bermoral” merupakan item yang mencatatkan skor min terendah, iaitu 3.83.

Jadual 3: Skor Min Item Efikasi Kendiri Positif Guru

Bil	Item	Peratus Pilihan Responden					Min	SP	Tahap
		1	2	3	4	5			
1	Saya tahu apa yang perlu dilakukan untuk mengekalkan keselesaan pelajar terhadap diri mereka sebagai individu bermoral			16.7	63.3	20	4.03	.61	Tinggi
2	Saya tahu bagaimana untuk merangsang perasaan positif terhadap kemoralan dalam kalangan pelajar di dalam kelas saya			10	86.7	3.3	3.93	.37	Tinggi
3	Sekiranya pelajar di dalam kelas saya kelihatan tidak bermotivasi untuk menjadi individu bermoral, saya tahu bagaimana untuk membuatkan mereka menjadi positif semula	3.3	3.3	20	53.3	20	3.83	.91	Tinggi
4	Saya berkemampuan dalam membuatkan semua pelajar saya selesa untuk menjadi individu bermoral			23.3	70	6.7	3.83	.53	Tinggi
5	Saya tahu bagaimana untuk membuatkan pelajar selesa menjadi individu bermoral			13.3	76.7	10	3.97	.49	Tinggi

### Perbandingan Skor Min Item Efikasi Kendiri Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Moral

Jadual 4 menunjukkan skor min bagi 12 item dimensi efikasi sendiri amalan pengajaran guru. Terdapat lapan item yang mempunyai skor min yang tinggi. Item “apabila pelajar mempunyai



kesukaran dalam memahami suatu konsep moral, saya tahu apa langkah yang perlu diambil untuk membantu mereka menguasai konsep tersebut”, item “apabila pelajar mempunyai kesukaran dalam memahami suatu kemahiran moral, saya tahu apa langkah yang perlu diambil untuk membantu mereka menguasai kemahiran tersebut” dan item “Saya mempunyai pengetahuan yang diperlukan untuk mengajar pembangunan karakter bermoral” merupakan item yang mempunyai skor min yang tertinggi iaitu 3.93. Selain itu, terdapat empat item yang mencatatkan skor sederhana. Item tersebut adalah item “Saya tahu bagaimana untuk mereka bentuk pengajaran yang mampu membantu semua pelajar menguasai kemahiran etika” (3.66), item “Saya tahu bagaimana untuk melaraskan pembelajaran moral bersesuaian dengan keperluan pelajar” (3.66), item “Saya tahu bagaimana untuk mengajar strategi yang dapat membantu pelajar membangunkan kemahiran karakter beretika” (3.60) dan yang terendah adalah item “Saya mempunyai kemahiran yang diperlukan untuk mengajar pembangunan karakter bermoral” (3.53).

Jadual 4: Skor Min Item Efikasi Kendiri Amalan Pengajaran Guru

Bil	Item	Peratus Pilihan Responden					Min	SP	Tahap
		1	2	3	4	5			
1	Apabila pelajar mempunyai kesukaran dalam memahami suatu konsep moral, saya tahu apa langkah yang perlu diambil untuk membantu mereka menguasai konsep tersebut	3.3	10	76.7	10	3.93	.58	Tinggi	
2	Apabila pelajar mempunyai kesukaran dalam memahami suatu kemahiran moral, saya tahu apa langkah yang perlu diambil untuk membantu mereka menguasai kemahiran tersebut		16.7	73.3	10	3.93	.52	Tinggi	
3	Saya tahu bagaimana untuk mereka bentuk pengajaran yang mampu membantu semua pelajar menguasai kemahiran etika	3.3	33.3	56.7	6.7	3.66	.66	Sederhana	
4	Saya tahu bagaimana untuk membentuk pengajaran yang dapat menarik minat pelajar	3.3	20	70	6.7	3.80	.61	Tinggi	
5	Saya mempunyai pengetahuan yang diperlukan untuk mengajar pembangunan karakter bermoral		20	66.7	13.3	3.93	.58	Tinggi	
6	Saya mempunyai kemahiran yang diperlukan untuk mengajar pembangunan karakter bermoral	3.3	43.3	50.0	3.3	3.53	.63	Sederhana	
7	Sekiranya pelajar di dalam kelas saya terganggu dalam usaha memperkukuh kemahiran moral,	3.3	23.3	66.7	6.7	3.77	.63	Tinggi	

	saya tahu bagaimana untuk mengembalikan tumpuan mereka kepada tujuan asal							
8	Saya tahu bagaimana untuk mengajar strategi yang dapat membantu pelajar membangunkan kemahiran karakter beretika	6.7	30.0	60.0	3.3	3.60	.67	Sederhana
9	Saya tahu bagaimana untuk melaraskan suatu pengajaran moral berdasarkan keperluan pengajaran saya	6.7	13.3	63.3	16.7	3.90	.76	Tinggi
10	Saya tahu bagaimana untuk mengajarkan strategi yang membantu pelajar mengembangkan kemahiran berkenaan insan bermoral	6.7	23.3	63.3	6.7	3.70	.70	Tinggi
11	Saya tahu bagaimana untuk melaraskan pembelajaran moral bersesuaian dengan keperluan pelajar	6.7	23.3	66.7	3.3	3.66	.66	Sederhana
12	Saya berkemampuan dalam merangsang hubungan moral yang positif dalam kalangan pelajar di dalam kelas saya	6.7	23.3	60.0	10.0	3.73	.73	Tinggi

### Tahap Efikasi Kendiri Mengikut Jantina dan Pengalaman Mengajar

Jadual 5 menunjukkan perbandingan skor min mengikut jantina serta perbezaan skor min mengikut pengalaman mengajar guru Pendidikan Moral. Kajian mendapati bahawa skor min guru lelaki (3.86) adalah lebih tinggi daripada guru perempuan (3.77). Di samping itu, Dimensi Positif Guru menunjukkan skor min guru lelaki (3.90) lebih rendah daripada guru perempuan (3.92). Walau bagaimanapun, ia berbeza dengan Dimensi Amalan Pengajaran guru yang menunjukkan bahawa skor min bagi guru lelaki (3.83) adalah lebih tinggi daripada guru perempuan (3.71).

Selain itu, skor min keseluruhan tahap efikasi sendiri guru yang mempunyai pengalaman 1 hingga 5 tahun (3.63) adalah lebih rendah berbanding guru yang mempunyai pengalaman 6 tahun dan ke atas (3.91). Secara dimensi, kita dapati bahawa guru yang mempunyai pengalaman 1 hingga 5 tahun mempunyai skor min (3.87) yang lebih rendah berbanding skor min guru yang mempunyai pengalaman 6 tahun ke atas (3.95) dalam dimensi Positif Guru. Manakala Dimensi Amalan Pengajaran Guru menunjukkan perbezaan yang ketara berdasarkan pengalaman mengajar. Kajian menunjukkan guru yang mempunyai pengalaman 1 hingga 5 tahun mempunyai

skor min (3.53) yang lebih rendah berbanding skor min guru yang mempunyai pengalaman 6 tahun ke atas (3.90).

Jadual 5: Tahap Efikasi Kendiri Mengikut Jantina dan Pengalaman Mengajar

Efikasi Kendiri	Jantina						Pengalaman Mengajar					
	Lelaki			Perempuan			1-5 Tahun			6 Tahun Ke Atas		
	Min	SP	Tahap	Min	SP	Tahap	Min	SP	Tahap	Min	SP	Tahap
Positif Guru	3.90	.50	Tinggi	3.92	.46	Tinggi	3.87	.55	Tinggi	3.95	.44	Tinggi
Amalan Pengajaran Guru	3.83	.38	Tinggi	3.71	.59	Tinggi	3.53	.57	Sederhana	3.90	.43	Tinggi
Keseluruhan	3.86	.40	Tinggi	3.77	.52	Tinggi	3.63	.53	Sederhana	3.91	.41	Tinggi

### Perbezaan Efikasi Kendiri Mengikut Jantina

Jadual 6 menunjukkan hasil ujian t bebas tahap efikasi kendiri mengikut jantina guru. Ujian *leven* yang dilaksanakan adalah tidak signifikan ( $p > .05$ ). Dengan ini, ia telah memenuhi andaian kehomogenan varian antara efikasi kendiri guru lelaki dan guru perempuan adalah sama. Ujian t-bebas secara keseluruhan dimensi adalah tidak signifikan ( $t(28) = .45, p > .05$ ). Ini menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap efikasi kendiri antara guru lelaki dan guru perempuan. Ujian t juga menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap efikasi guru lelaki dan perempuan bagi dimensi Efikasi Kendiri Positif Guru dan juga Efikasi Kendiri Amalan Pengajaran Guru.

Jadual 6: Perbezaan Efikasi Kendiri Mengikut Jantina

Efikasi Kendiri	t	Sig
Efikasi Kendiri Positif Guru	-.12	.904
Amalan Pengajaran Guru	.65	.523
Keseluruhan	.45	.653

### Perbezaan Efikasi Kendiri Mengikut Pengalaman Mengajar

Jadual 7 menunjukkan hasil ujian t bebas tahap efikasi kendiri mengikut pengalaman mengajar guru. Ujian *leven* adalah tidak signifikan ( $p > .05$ ). Dengan ini, ia telah memenuhi andaian kehomogenan varian antara efikasi kendiri guru lelaki dan guru perempuan adalah sama. Ujian t-bebas secara keseluruhan dimensi adalah tidak signifikan ( $t(28) = -1.62, p > .05$ ). Ini menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap efikasi kendiri antara guru yang mempunyai pengalaman 1 hingga 5 tahun dan guru yang mempunyai pengalaman 6 tahun ke atas. Ujian t juga menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap efikasi kendiri

guru yang mempunyai pengalaman 1 hingga 5 tahun dan guru yang mempunyai pengalaman 6 tahun ke atas bagi dimensi Efikasi Kendiri Positif Guru dan juga Efikasi Kendiri Amalan Pengajaran Guru. Namun, kajian menunjukkan bahawa darjah signifikan amalan pengajaran guru hampir diterima, iaitu .054.

Jadual 7: Perbezaan Efikasi Kendiri Mengikut Pengalaman Mengajar

Efikasi Kendiri	t	Sig
Efikasi Kendiri Positif Guru	-.41	.685
Amalan Pengajaran Guru	-2.01	.054
Keseluruhan	-1.62	.116

## Perbincangan

Dapatan kajian rintis menunjukkan bahawa nilai kebolehpercayaan bagi instrumen kajian rintis adalah tinggi  $\alpha = .948$ , manakala nilai kebolehpercayaan mengikut dimensi efikasi sendiri positif guru adalah  $\alpha = .835$  dan efikasi sendiri amalan pengajaran pendidikan moral  $\alpha = .943$ . Dapatan ini berbeza dengan apa yang diperolehi oleh Narvaez, Vaydich, Turner, & Khmelkov, 2008 yang memperoleh faktor pertama *Teacher Positivity* ( $\alpha = .92$ ) dan faktor kedua *Instructional Practices* ( $\alpha = .88$ ). Walau bagaimanapun, ini menunjukkan instrumen kajian ini mempunyai kesahan kandungan yang tinggi untuk mengukur gagasan atau pembolehubah dengan tepat (Alias, 1999)<sup>27</sup>. Keadaan yang demikian seterusnya dapat mengesahkan bahawa instrumen ini sesuai bagi mengukur tahap efikasi Guru Pendidikan Moral di Malaysia.

Kajian rintis ini juga mendapati bahawa tahap efikasi Guru Pendidikan Moral di negeri Kelantan berada di tahap yang tinggi (3.81). Dapatan kajian ini selaras dengan kajian Syed Kamarzuan, Mohd Zaki dan Julismah (2014)<sup>28</sup> yang mengkaji tahap efikasi guru Pendidikan Jasmani di daerah Kota Setar. Kajian tersebut mendapati bahawa skor min bagi ketiga pemboleh ubah iaitu Penglibatan Pelajar (3.71), Strategi Instruksional (3.79) dan Pengurusan Kelas (3.96) adalah tinggi. Khalid (2012)<sup>26</sup> dalam kajiannya terhadap efikasi sendiri guru – guru sekolah menengah di Sabah juga mendapati tahap efikasi guru berada di tahap yang tinggi. Seterusnya kajian Aziah, Loh dan Abdul Ghani Kanesan (2015)<sup>29</sup> mendapati bahawa guru sekolah menengah di Bahagian Barat Daya Pulau Pinang juga mempunyai tahap efikasi sendiri yang tinggi.

Walaupun bagaimanapun, kajian ini mendapati bahawa skor min efikasi sendiri positif guru (3.92) adalah lebih tinggi berbanding skor min efikasi sendiri amalan pengajaran guru (3.77). Ini menunjukkan bahawa guru Pendidikan Moral lebih berkeyakinan untuk menerapkan aspek positif kepada pelajar berbanding keyakinan mengamalkan pengajaran pendidikan moral itu sendiri. Oleh yang demikian, tumpuan yang lebih harus diberikan kepada amalan pengajaran guru Pendidikan Moral

Melalui dapatan kajian ini, secara dasarnya tumpuan harus diberikan kepada peningkatan amalan pengajaran pendidikan moral. Ini adalah kerana kajian menunjukkan bahawa responden masih lagi berada di tahap sederhana dalam beberapa item efikasi sendiri amalan pengajaran Pendidikan Moral. Sayugia, beberapa perkara yang harus diberi perhatian adalah dalam aspek mereka bentuk pengajaran seperti membantu pelajar menguasai kemahiran etika, kemahiran mengajar bagi membangunkan karakter bermoral, strategi yang dapat membangunkan karakter beretika dan juga cara untuk menyesuaikan pembelajaran Pendidikan Moral dengan keperluan pelajar. Sebagai cadangan, kajian yang lebih terperinci harus dilaksanakan bagi mengenal pasti tahap efikasi guru pendidikan moral di Malaysia. Ini adalah kerana ia membolehkan satu profil latihan yang menjurus kepada perkara tersebut dapat dikenal pasti. Dengan adanya profil latihan ini, pihak yang bertanggungjawab dapat melaksanakan program latihan secara lebih tersasar dan berkesan.

Dapatan kajian rintis juga menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap efikasi sendiri berdasar skor min dan juga analisis ujian t. Ini menunjukkan bahawa faktor jantina tidak mempengaruhi perbezaan efikasi sendiri guru Pendidikan Moral. Ia bertepatan dengan dapatan Syed Kamarzuan et al.(2014)<sup>28</sup> yang menunjukkan tidak terdapat perbezaan efikasi sendiri antara guru Pendidikan Jasmani lelaki dan perempuan. Ini adalah kerana Efikasi Kendiri guru lebih dipengaruhi oleh kemahiran dan juga pengetahuan guru (Goddard & Hoy, 2000)<sup>30</sup>.

Kajian yang dijalankan turut menampilkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap tahap efikasi sendiri mengikut pengalaman mengajar Guru Pendidikan Moral. Dapatan ini selaras dengan kajian Aziah, Loh dan Abdul Ghani Kanesan (2015)<sup>29</sup> yang menegaskan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap efikasi sendiri dengan pengalaman mengajar guru. Namun, hasil kajian ini berbeza dengan dapatan Khalid (2012)<sup>26</sup> yang menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan pada aras  $p < .01$ . Syed Kamarzuan et al. (2014)<sup>28</sup> juga merumuskan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara guru novis (1 hingga 5 tahun pengalaman) dan juga guru pakar (5 tahun ke atas). Dapatan kajian mereka menunjukkan guru pakar mempunyai efikasi sendiri lebih tinggi berbanding guru novis. Namun, ujian korelasi yang dilaksanakan pada akhir kajian tersebut menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan antara tahap efikasi sendiri dengan pengalaman mengajar guru. Oleh yang demikian, pengkaji mencadangkan supaya jumlah responden ditambah bagi menguji perbezaan yang signifikan antara efikasi sendiri dengan pengalaman mengajar guru.

### **Batasan Kajian dan Kajian Lanjutan**

Kajian rintis ini mempunyai beberapa batasan yang perlu ditangani sebagai panduan untuk kajian lanjutan. Dua isu dalam aspek metodologi kajian ini perlu diambil kira oleh pengkaji yang mahu membuat kajian lanjutan dalam aspek ini. Pertama ialah, jumlah sampel kajian terlalu kecil dan melibatkan sebuah negeri sahaja. Jumlah sampel dalam kuantiti yang besar dan daripada

pelbagai negeri mampu mengesahkan instrumen kajian (*Teacher Moral Self-Efficacy Measure*) dari aspek generalisasidan kebolehpercayaan. Teknik pemilihan sampel kajian juga boleh dibaiki. Selain itu, aspek kesahan kandungan dan kesahan konstruk instrumen ini juga perlu diberi perhatian. Sebagai contoh, item-item yang digunakan untuk mengukur tahap efikasi sendiri positif boleh ditambahkan agar ia mencukupi dan mencakupi aspek efikasi sendiri positif yang diukur.

## Kesimpulan

Secara umumnya, kajian rintis ini telah memberikan maklumat yang penting tentang aspek efikasi sendiri guru yang mengajar mata pelajaran Pendidikan Moral di sekolah menengah. Kajian ini menjelaskan bahawa efikasi sendiri guru sebagai elemen penting dalam kejayaan murid selain organisasi dan kandungan kurikulum mata pelajaran Pendidikan Moral. Maklumat ini sangat berguna kepada guru mata pelajaran dan pihak pentadbir sekolah seperti Pengetua dan Ketua Panitia Mata Pelajaran Pendidikan Moral untuk mengambil perhatian yang wajar dalam aspek efikasi sendiri guru. Penempatan guru mata pelajaran yang bukan opsyen Pendidikan Moral sedikit sebanyak akan menjejaskan pencapaian murid dalam mata pelajaran tersebut. Selain itu, guru yang tidak komited dan memiliki efikasi sendiri yang rendah dalam pengajaran dan pemudahcaraan juga menyebabkan matlamat Pendidikan Moral untuk melahirkan insan yang bermoral juga pincang.

## Rujukan

1. Ruiz, P. O. (2010). Moral Education as pedagogy of alterity. *Journal of Moral Education*, 33(3), 271-289.
2. Vishalache Balakrishnan. (2011). *Real-life dilemmas in Moral Education*. Kuala Lumpur: Universiti of Malaya Press.
3. Ministry of Education Malaysia. (2000). *KBSM Moral Education Syllabus (Sukatan Pelajaran Pendidikan Moral KBSM)*. Curriculum Development Division. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
4. Chang, L. H. (2007, Jun). *Moral reasoning of Malaysian adolescents*. Paperwork presented in International Conference of Learning (Kertas kerja yang dibentangkan di International Conference of Learning). Johannesburg, South Africa.
5. Bigger, S., & Brown, E. (Ed.). (1999). *Spiritual, moral, social and cultural education: Exploring values in the curriculum*. London: David Fulton Publishers.
6. Nadarajan Thambu & Muhammad Hasbi Abdul Rahman. (2017). Forum Theatre as a behaviour change strategy: Qualitative findings from Moral Education class. *SEARCH: The Journal of the South East Asia Research Centre for Communications and Humanities*, 9(1), 25-46.
7. Narvaez, D., Vaydich, J. L., Turner, J. C., & Khmelkov, V. (2008). Teacher self-efficacy for Moral Education: Measuring teacher self-efficacy for Moral Education. *Journal of Research in Character Education*, 6(2), 3-15.



8. Bandura, A. (1982). Self-efficacy mechanism in human agency. *American Psychologist*, 37, 122 – 147.
9. Bandura, A. (1986). *Social foundation of thought and action: A social cognitive theory*. New Jersey: Prentice Hall.
10. Ahmad Zabidi Abdul Razak. (2006). *Self- leading – Updated Edition (Memimpin diri sendiri - edisi kemas kini)*. Kuala Lumpur: PTS Millennia Sdn. Bhd.
11. Bandura, A. (1997). *Self-efficacy: The exercise of control*. New York: W.H. Freeman and Company.
12. Aston, P. & Webb, R. B. (1986). *Teachers' sense of efficacy, classroom behaviour and student achievement*. London: Longman.
13. Allinder, R. M. (1995). An examination of the relationship between teacher efficacy and curriculum-based measurement. *Remedial & Special Education*, 16, 247-255.
14. Powell, J. C., & Anderson. R. (2002). Changing teachers' practice: Curriculum material and science education reform in the USA. *Studies in Science Education*, 37, 107-136.
15. Vishalache Balakrishnan. (2010). *The development of Moral Education in Malaysia*. *Asia Pacific Journal of Educators and Education*, 25, 89 -101.
16. Rosnani Hashim. (2012, 7 – 9 Oktober). Fulfilling the Aspiration Skills of Thinking in Malaysian Education Development Plan 2013 – 2025 through Inquiry and Philosophy Pedagogy amongst Teacher) Memenuhi aspirasi kemahiran berfikir dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 – 2025 menerusi inkuiri dan pedagogi filosofiyah dalam kalangan guru. In Conference of Education Dean Faculty. Conference held in University Teknologi Malaysia, Johor Bharu.
17. Chang L, H. (2010, 8 – 10 November). An appraisal on the implementation of moral education for school in malaysia. In *International Conference on Teacher Education*. Conference held in Bandung, Indonesia.
18. Nadarajan Thambu. (2017). Thinking values through Theatre Forum: A research action (Perkembangan pemikiran moral melalui Teater Forum: Satu kajian tindakan). *Muallim Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 1(1), 12-30.
19. Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff, Nurulhuda Hasan & Mahat Afifi. (2012). Knowledge of pedagogy content in teaching Arab language (Pengetahuan pedagogi isi kandungan (PPIK) pengajaran bahasa Arab). In Teaching and Learning Conference of Arab Language.
20. Lapsley, D., Anthony, C. H., & Narvaez, D. (2015). Teaching for character: Three alternatives for teacher education. Dalam Sanger, M. N. & Osguthorpe, R. D. *The moral work of teaching: preparing and supporting practitioners*. Teachers College Press.
21. Sakhilah Shahkat Ali. (2009). Moral Orientation among Form Four Students (*Orentasi moral di kalangan pelajar tingkatan empat*). Unpublished Doctoral Thesis. Kuala Lumpur: University Malaya.
22. Vishalache Balakrishnan. (2013, April 7). The Moral Dilemma. *The Star*, p.4.
23. Dunn, K. E., & Rakes, G. C. (2011). Teaching teacher: An investigation of beliefs in teacher education students. *Learning Environ Res*, 14, 39 - 58.
24. Nadarajan Thambu & Ganesan Shanmugavelu. (2016). 'Moral Intent' Element in Forum Theater: An Action Study in Moral Class (Unsur 'niat moral' dalam Teater Forum: Satu kajian tindakan di kelas Pendidikan Moral). *Asian Education Action Research Journal (AEARJ)*, 5, 1-14.
25. Mahasneh, A. M. (2014). The level of moral competence among sample of Hashemite University Students. *Canadian Social Science*, 10(1), 159-164.
26. Khalid Johari. (2014). Effectiveness Development of Secondary School Teacher in Sabah



- (Perkembangan efikasi guru sekolah menengah di Sabah). *Humanistiv Journal*, 20, 32–43.
27. Alias Baba. (1999). Research Statistic in Education and Social Science (*Statistik penyelidikan dalam pendidikan dan sains social*). Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
28. Syed Kamarzuan Syed Ali., Mohd Zaki Che Hassan., & Julismah Jani. (2014). Physical Education Subject Teacher's Self Effectiveness on the Implementation of Teaching of Physical Education Subject (Efikasi sendiri guru Pendidikan Jasmani terhadap pelaksanaan pengajaran mata pelajaran Pendidikan Jasmani). *Journal Curriculum & Asia Pacific Teaching*, 2(3), 43-51.
29. Aziah Ismail., Loh H. Y., & Abdul Ghani Kanesan Abdullah. (2015). Community of Professional Studies and Self Effectiveness of Teacher in Penang Secondary School (Komuniti pembelajaran profesional dan efikasi sendiri guru sekolah menengah di Pulau Pinang). *Leadership Educational Journal*, 2(1), 1-12.
30. Goddard, R. D., & Hoy, W. A. (2000). Collective teacher efficacy: Its meaning, measure and impact on student achievement. *American Educational Research Journal*, 37, 479-507.

**Citation in Malay**

Mohd Hasaidi Hassan & Nadarajan Thambu. (2018). Efikasi sendiri guru Pendidikan Moral di sekolah menengah: Satu kajian rintis. *Muallim Journal of Social Sciences and Humanities*, 2(3), 161-176.

**Citation in English**

Mohd Hasaidi Hassan & Nadarajan Thambu. (2018). Moral teacher self-efficacy in secondary school: A pilot study. *Muallim Journal of Social Sciences and Humanities*, 2(3), 161-176.